

KEPATUHAN ZAKAT OLEH SYARIKAT TERSENARAI AWAM DI MALAYSIA

ADIBAH ABDUL WAHAB
JONI TAMKIN BORHAN
Universiti Malaya

ABSTRAK

Tujuan utama kajian ini adalah bagi mengukur kepatuhan zakat dalam kalangan syarikat tersenarai awam (PLC) di Malaysia. Kajian ini membuat penilaian terhadap status kewajipan berzakat terhadap PLC patuh syariah yang telah diluluskan oleh Majlis Pengawasan Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia merangkumi papan utama dan kedua (ACE Market). Maklumat diperolehi daripada laporan tahunan PLC yang disediakan di laman web masing-masing dan sebanyak 811 laporan tahunan telah dimuat turun daripada keseluruhan 817 syarikat saham patuh syariah. Pertama, kajian ini mengenal pasti pemilikan Muslim majoriti di dalam PLC. Berdasarkan kepada laporan Pemilikan Saham Tertinggi, sebanyak 118 dikira sebagai dimiliki oleh Muslim. Kedua, kajian ini mengenal pasti pembayaran

zakat yang dibuat oleh PLC bagi tempoh 6 tahun (2009 – 2014).

Kajian ini mendapati sebanyak 17 PLC mempunyai pelaporan zakat di dalam Laporan Kewangan masing-masing. Jumlah PLC yang membuat pembayaran zakat adalah meningkat daripada 9 syarikat pada tahun 2009 kepada 16 syarikat pada tahun 2014. Kajian ini mendapati kadar kepatuhan pembayaran zakat dalam kalangan PLC adalah pada kadar 14%. Oleh itu, strategi yang komprehensif perlu dilakukan sama ada oleh pihak institusi zakat dan pihak berkenaan yang lain supaya hasrat untuk memaksimumkan potensi kutipan zakat terutama dalam kalangan entiti perniagaan dapat direalisasikan.

Kata kunci: Kepatuhan zakat, zakat perniagaan, syarikat tersenarai awam, zakat perniagaan, entiti perniagaan.

ZAKAT COMPLIANCE AMONG PUBLIC LISTED COMPANIES IN MALAYSIA

ABSTRACT

The main purpose of this study is to measure zakat compliance among Public Listed Companies (PLCs) in Malaysia. The study evaluates the zakatability status of shariah-compliant securities companies by Securities Commission's Shariah Advisory Council including main board and ACE Market. The information obtained from the latest annual report available and 811 annual reports were examined out of 817 syariah-

compliant securities companies. Firstly, this study identifies companies with majority Muslim shareholders. Based on the largest shareholders reports, 118 companies are treated as owned by Muslim. Secondly, this study identifies zakat payment from the companies for 6 year period i.e. 2009 – 2014. The study finds 17 companies have zakat disclosure in their financial reporting for the period of study. The number of zakat paying companies keeps on increasing from 9 companies (for the year 2009) to

16 companies (for the year 2014). This study discovers the compliance rate for zakat payment among PLCs is 14%. Thus, comprehensive strategies need to be carried out especially by zakat institutions and other pertinent parties in pursuance of maximizing zakat potential especially by business entities.

Keywords: Zakat compliance, zakat on business, public listed companies, zakat potential

PENDAHULUAN

Zakat adalah satu kewajipan bukan sahaja oleh individu tetapi juga oleh entiti perniagaan. Entiti perniagaan menyediakan prospek pembayaran zakat perniagaan yang tinggi berbanding individu sesuai dengan tujuan penubuhan entiti perniagaan adalah untuk menjana keuntungan. Oleh itu kajian mengenai kepatuhan zakat oleh entiti perniagaan perlu dilakukan dan segmen syarikat tersenarai awam (PLC) di pilih untuk menjadi subjek kajian ini. Kajian ini dibuat terhadap syarikat yang merupakan saham patuh syariah iaitu 817 syarikat yang merangkumi 89% daripada keseluruhan PLC sebanyak 923 syarikat (Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, 2012). Saham patuh syariah ini digembleng melalui Pasaran Modal Islam (Islamic Capital Market) menyumbang sebanyak RM942 trillion iaitu 64% daripada keseluruhan jumlah pasaran modal iaitu RM1.466 trillion (Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, 2014). Kekuatan ini menjadikan segmen PLC adalah satu segmen yang menyediakan pulangan yang lumayan kepada institusi zakat.

Isu kepatuhan zakat amat penting bagi mengatasi masalah kebocoran dalam potensi kutipan zakat. Kadar kepatuhan

zakat yang tinggi memberi indikator yang baik dan sihat kepada kutipan zakat kerana ini bermakna lebih ramai yang patuh terhadap tuntutan kewajipan untuk membayar zakat (Zainol Bidin et al., 2013; Mohd Rais Alias, 2013). Kadar kepatuhan zakat yang tinggi juga memberikan indikator bahawa ruang potensi telah hampir dipenuhi dan peluang lonjakan kutipan adalah terhad. Kadar kepatuhan zakat yang rendah memberi isyarat bahawa ruang potensi kutipan masih tinggi dan peluang meningkatkan kutipan masih terbuka luas. Oleh itu kadar kepatuhan zakat amat perlu dikenal pasti bagi membantu gerak kerja memaksimumkan potensi kutipan zakat di Malaysia.

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengetahui tahap kepatuhan PLC di Malaysia dalam menunaikan zakat perniagaan. Tahap kepatuhan ini diukur dalam bentuk kadar yang diperolehi melalui pengumpulan dan analisis data. Kajian ini juga dibuat bagi memberikan dapatan lain yang juga penting iaitu mengetahui status pemilikan muslim dalam sesebuah PLC, mengetahui jumlah pemilikan muslim yang layak dikenakan zakat di dalam segmen PLC di Malaysia, mengenal pasti syarikat yang layak membayar zakat, dan mengenal pasti syarikat yang membayar zakat dan seterusnya memperoleh kadar kepatuhan zakat dalam kalangan PLC. Dapatan kajian ini kelak boleh menjadi dapatan berguna kepada institusi zakat dan syarikat PLC dalam merangka langkah yang lebih baik bagi memaksimumkan potensi kutipan zakat.

KAJIAN LITERATUR

Trend Kutipan Zakat dan Zakat Perniagaan

Kutipan zakat di Malaysia menunjukkan

prestasi yang baik berdasarkan kepada trend peningkatan saban tahun. Prestasi selama 10 tahun iaitu 2003 hingga 2012 menunjukkan peningkatan daripada RM423.8 juta kepada RM1.936 bilion dengan kenaikan sebanyak RM1.512 bilion iaitu peningkatan melebihi 300%. Manakala bagi zakat perniagaan jumlah peningkatan lebih memberangsangkan iaitu daripada RM49 juta pada tahun 2003 melonjak kepada RM294 juta pada tahun

2012 iaitu kenaikan pada kadar 1,700% dalam jangka masa 10 tahun (Rujuk Jadual 1).

Bilangan pembayar zakat di Malaysia juga terus meningkat daripada 426,207 orang pada tahun 2006 kepada 889,509 pada tahun 2012 iaitu peningkatan sebanyak 463,302 dengan peningkatan melebihi 100% dalam jangka masa 6 tahun (Rujuk Jadual 2).

Jadual 1:

Prestasi Kutipan Zakat dan Zakat Perniagaan di Malaysia 2003 – 2012

Tahun	Kutipan Zakat Keseluruhan (RM)	Zakat Harta (RM)	Kutipan Zakat Perniagaan (RM)
2003	423,785,769.11	372,105,147	26,047,694.90
2004	473,268,373.46	420,185,837	48,389,032.24
2005	573,088,304.78	525,456,182	127,216,937.65
2006	670,636,172.70	614,182,988	160,763,421.56
2007	806,284,070.94	744,294,626	216,014,293.97
2008	1,038,259,932.24	946,224,058	260,282,736.60
2009	1,196,871,797.00	1,113,734,286	277,499,070.01
2010	1,363,772,680.87	1,271,341,906	301,790,687.10
2011	1,641,114,994.83	1,545,226,013	389,919,837.76
2012	1,933,423,200.05	1,832,545,165	460,623,221.46
Total	10,120,505,295.98	9,385,296,207	2,268,546,933.25

Sumber: Laporan Zakat PPZ-MAIWP

Jadual 2:

Prestasi Bilangan Pembayar Zakat dan Zakat Perniagaan

Tahun	Pembayar Zakat Harta (Bil)	Kenaikan (Bil)	Kadar (%)	Pembayar Zakat Perniagaan (Bil)	Kenaikan	Kadar (%)
2006	426,207	-	-	15,653	-	-
2007	452,585	26,378	6.19	18,085	2,432	15.54
2008	586,533	133,948	29.60	18,197	112	0.62
2009	662,710	76,177	12.99	20,492	2,295	12.61
2010	694,041	31,331	4.73	32,350	11,858	57.87
2011	761,420	67,379	9.71	23,246	-9,104	28.14
2012	889,509	128,089	16.82	26,796	3,550	15.27
Total	4,473,005	463,302		154,819	11,143	73.76
Purata Kenaikan			13.34	Purata Kenaikan		12.30

Sumber: Laporan Zakat PPZ-MAIWP, 2003-2012¹

Manakala bilangan pembayar zakat perniagaan juga meningkat daripada 15,653 pembayar pada tahun 2006 kepada 26,769 pembayar pada tahun 2012 iaitu peningkatan sebanyak 11,143 pembayar dengan peningkatan sebanyak 71% dalam jangka masa 6 tahun.

Zakat Perniagaan merupakan antara penyumbang utama kutipan zakat di Malaysia. Berdasarkan kepada prestasi kutipan zakat sebagaimana yang dinyatakan di dalam **Jadual 3**, sumbangan zakat perniagaan adalah 27.71% daripada kutipan zakat harta atau 23.39% daripada kutipan keseluruhan termasuk zakat fitrah.

Jadual 3:

Sumbangan Zakat Perniagaan Dalam Kutipan Zakat di Malaysia (RM juta)

Jenis Zakat Harta	2010	2011	2012
Pendapatan	695.10	736.80	781.00
Perniagaan	301.78	389.92	469.39
Simpanan	136.61	144.30	152.90
Harta	79.30	84.10	89.10
KWSP	13.70	14.50	15.40
Pertanian	11.00	11.70	12.40
Lain-lain	5.50	5.80	6.20
Jumlah Zakat Harta	1,242.99	1,387.12	1,526.39
Kadar Sumbangan Zakat Perniagaan	24.28%	28.11%	30.75%
Purata Kadar Sumbangan	27.71%		
Jumlah Zakat Keseluruhan	1,363.77	1,641.10	1,933.40
Kadar Sumbangan Zakat Perniagaan	22.13%	23.76%	24.28%
Purata Kadar Sumbangan	23.39%		

Sumber: Laporan Zakat PPZ-MAIWP

Status Kewajipan Membayar Zakat oleh PLC

Status kewajipan membayar zakat adalah jelas dalam konteks kewajipan individu atau entiti perseorangan (individual entity, natural person, shakhsiyyah 'adiyah). Walau bagaimana pun dalam konteks syarikat perkara ini menjadi lebih rumit kerana syarikat dikategorikan sebagai shakhsiyyah i'tibariah atau legal entity kerana institusi korporat (termasuk PLC) tidak mempunyai ciri-ciri individu secara total (individual entity) (Said Bouheraoua et al., 2011). Oleh itu terdapat banyak

perbincangan mengenai kewajipan zakat oleh entiti perundangan (Aznan Hasan, 2011) seperti PLC malah terdapat pandangan yang mengatakan zakat diwajibkan ke atas individu Muslim sedangkan dan tidak ke atas entiti kerana entiti tidak mempunyai status agama (Abdul Hamid Mohamad dan Adnan Trakic, 2013).

Jawatankuasa Fatwa melalui Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-31 yang bersidang pada 9 Disember 1992 telah membincangkan Zakat Ke

Atas Syarikat. Muzakarah telah memutuskan bahawa syarikat perniagaan adalah diwajibkan zakat apabila mencukupi syarat-syarat seperti berikut (e-fatwa):

- a. Perniagaan yang dimiliki oleh orang Islam
- b. Perniagaan dimiliki oleh orang Islam yang merdeka
- c. Sempurna milik
- d. Cukup nisab
- e. Cukup haul (genap setahun qamariah/ 354.3 hari)
- f. Kadar zakat ke atas syarikat tersebut adalah 2.5%

Jawatankuasa Fatwa menjelaskan bahawa “Syarikat yang dimiliki bersama antara orang Islam dan bukan Islam, maka wajib ke atas jumlah saham yang dimiliki oleh orang Islam sahaja....” Asas kepada pengenaan zakat ini adalah bersandarkan kepada sebuah hadis Rasulullah SAW iaitu:

ولا يجمع بين متفرق لا يفرق بين مجتمع
مخافة الصدقة

Terjemahan: “Dan tidak terhimpun antara yang terpisah dan tidak terpisah antara yang terhimpun kerana takut bersedekah (zakat)”.

(Sunan Abu Daud)

Berdasarkan hadis ini dapat disimpulkan bahawa beberapa individu yang berada dalam satu syarikat atau perkumpulan maka dianggap satu tanpa dipisahkan antara satu sama lain. Apabila sebuah syarikat ditubuhkan dengan niat untuk menjalankan perniagaan sama ada syarikat perkhidmatan, syarikat guaman, perhotelan, runding cara, perubatan, rekreasi, cari gali dan sebagainya, maka syarikat tersebut dianggap syarikat perniagaan yang dikenakan zakat perniagaan. Prinsip fiqh yang digunakan di sini menggunakan konsep *Khultah* (Azman Mohd

Noor dan Muhamad Nasir Haron, 2013). *Khultah* terbahagi kepada dua iaitu:-

- a. *Khultah asy-syuyu'* iaitu berlaku percampuran yang menyebabkan tidak dapat dibezakan milikan masing-masing
- b. *Khultah al-jiwar* iaitu berlaku percampuran pemilikan yang masih dapat dibezakan pemilikan masing-masing (Lembaga Zakat Selangor, 2008)

Pengiraan zakat dalam kalangan PLC adalah menggunakan prinsip *khultah as-syuyu'* di mana percampuran pemilikan adalah tidak dapat dibezakan. Dalam konteks ini kewajipan berzakat tidak dikenakan atas individu perseorangan tetapi individu perundangan (*judicial person*). Individu perseorangan tidak dipertanggungjawabkan secara langsung di dalam hal ini tetapi perkongsian pegangan (*joint stock*). Ini bermakna perkongsian pegangan dikira sebagai pemilikan tidak terpisah dan tanggungjawab menunaikan zakat dipindahkan kepada entiti yang mempunyai ciri yang hampir sama dengan individu perundangan walaupun tidak sama sepenuhnya (Mumahhad Taqi Usmani, 1998).

Walaupun pemilikan salah seorang tidak mencukupi nisab, nilai yang diambil adalah nilai terkumpul kerana kewajipan zakat dikenakan bukan atas tanggungjawab seseorang individu tetapi atas perkongsian harta yang kini dikira sebagai satu entiti (Muhmmad Taqi Usmani, 1998). Adalah menjadi kewajipan syarikat perniagaan mengeluarkan zakat bagi pihak pemiliknya dan sekiranya syarikat tersebut tidak mengeluarkan zakat, maka pemiliknya hendaklah mengeluarkan zakat secara persendirian. Syarikat perkongsian antara orang Islam dan bukan Islam, maka zakat hanya dikeluarkan berdasarkan saham milik orang Islam sahaja (Muhmmad Taqi Usmani, 1998).

Dalam kajian yang dibuat oleh Malik M. Hafeez (2013), beliau membuat kesimpulan bahawa maksud perkataan seseorang (*person*) adalah digunakan kebiasaannya untuk individu manusia tetapi di dalam konteks perundangan ia mempunyai istilah teknikal yang membawa maksud hak dan kewajiban. Undang-undang mengiktiraf status individu perundangan (*legal person*) sebagai entiti yang sah seperti sesebuah dana dan syarikat. Walaupun individu perundangan ini mungkin merupakan individu perundangan yang bukan asli (*artificial juristic person*), tetapi ia boleh menerima pertanggungjawaban seperti memiliki harta dan menjalankan perniagaan sama seperti individu perseorangan yang sebenar. Institusi Baitulmal, wakaf dan masjid merupakan contoh pengiktirafan Islam terhadap entiti perundangan ini.

Oleh itu kajian ini mengguna pakai rasional di atas yang dikukuhkan oleh Fatwa Kebangsaan bahawa syarikat adalah entiti perniagaan yang wajib mengeluarkan zakat.

Kaedah Penentuan Pemilikan Muslim Dalam PLC

Proses penentuan saham milik Muslim di dalam PLC adalah sesuatu rumit kerana pemilikan bertukar setiap masa kerana keadaan saham yang sentiasa didagangkan. Namun begitu mengikut amalan Lembaga Zakat Selangor (LZS) (Mohd. Sabirin Sarbini, 2012) penentuan pemilikan Muslim ini dilakukan dengan merujuk kepada laporan pemilik saham tertinggi yang perlu dilaporkan oleh syarikat di dalam laporan tahunan. Pemilikan yang diambil kira adalah pemilikan individu Muslim dan pemilikan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Tabung Haji (TH), Permodalan Nasional Berhad (PNB),

Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP), Kementerian Kewangan Diperbadankan dan Khazanah Nasional (Khazanah Nasional, 2015).

Bagi syarikat yang mempunyai pemilikan muslim kurang daripada 30%, berdasarkan kepada pengalaman institusi zakat (Khairulazhar Samsudin, 2012; Mohd Sabirin Sarbini, 2012) adalah sukar untuk pemegang saham melunaskan zakat perniagaan melalui syarikat dan menggunakan dana syarikat. Mereka disarankan untuk membayar zakat secara persendirian di bawah kategori zakat saham (Lembaga Zakat Selangor, 2012).

Teori Kepatuhan Membayar Zakat

Kajian mengenai kepatuhan zakat lebih berkisar kepada topik gelagat kepatuhan. Berdasarkan kepada pelbagai literatur tentang teori kepatuhan zakat pelbagai teori digunakan mengikut reka bentuk kajian masing-masing. Kebanyakan kajian mengenai gelagat kepatuhan menggunakan teori psikologi sebagai kerangka kajian dengan menggunakan asas Teori Gelagat Terancang (TPB) sebagai asas dan ini merupakan pendekatan yang paling popular. Ia bermula daripada kajian yang dibuat oleh Kamil Md. Idris (2002) dengan tajuk Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan di Kalangan Kakitangan Awam Persekutuan di negeri Kedah. Kajian ini dibuat untuk mengenal pasti dimensi sikap terhadap zakat gaji dan membentuk model gelagat kepatuhan zakat gaji bagi memahami bagaimana angkuh-angkuh yang terlibat mempengaruhi gelagat kepatuhan (Kamil Md. Idris, 2004: iii). Antara penyelidik lain yang turut menggunakan TPB sebagai kerangka kajian adalah Ahmad Radzuan Ghazali (2009) yang menjalankan kajian bagi melihat kesan tahap keagamaan dan

akauntabiliti peribadi terhadap niat membayar zakat perniagaan dalam kalangan peniaga pemilikan tunggal. Penyelidik lain adalah Nor Adilah Ahmad Shokori (2011) yang membuat kajian mengenai kepatuhan terhadap zakat perniagaan dalam kalangan pengusaha stesen minyak dan Ram Al-Jefri Saad (2010) yang mengkaji gelagat kepatuhan pembayaran zakat perniagaan dalam kalangan peniaga di Pulau Pinang.

Terdapat kajian yang menggunakan asas pandangan Islam adalah sebagaimana kerangka kajian sebagaimana yang dibuat oleh Mohd Ali Mohd Noor et al. (2004) di mana dia menggunakan pandangan tokoh iaitu Yusuf Qaradawi yang mengatakan bahawa pendidikan dan keimanan mempengaruhi tindakan ekonomi seseorang. Pandangan ini dipetik oleh penyelidik melalui buku Yusuf Qaradawi (1995), Peranan Nilai dan Akhlak dalam Ekonomi Islam. Selain itu dalam tiga kajian lain menggunakan asas rasional seorang Muslim yang melihat prinsip zakat sebagai satu tuntutan ibadah iaitu kajian yang dibuat oleh Sanep Ahmad et al. (2011), Mohd Rahim Khamis et al. (2011) dan Sanep Ahmad dan Zulkifli (2010).

Selain itu, pendekatan lain yang digunakan dalam membuat kajian mengenai kepatuhan zakat adalah dengan membuat perbandingan di antara gelagat kepatuhan zakat dan cukai. Mereka mengambil kira teori kepatuhan cukai dan disesuaikan dengan kepatuhan zakat sebagaimana yang dibuat oleh Kamil Md. Idris (2009) dan Sanep Ahmad dan Zulkifli (2010). Hasil kajian literatur oleh Kamil Md. Idris (2009) mendapati antara faktor yang mempengaruhi kepatuhan cukai adalah demografi iaitu umur (ketua isi rumah yang berumur melebihi 65 tahun lebih patuh), jantina (wanita lebih patuh), tahap pendapatan

(golongan berpendapatan tinggi lebih patuh) dan beban tanggungan (golongan yang kurang beban tanggungan kewangan lebih patuh).

antara faktor yang mempengaruhi kepatuhan cukai adalah demografi iaitu umur (ketua isi rumah yang berumur melebihi 65 tahun lebih patuh), jantina (wanita lebih patuh), tahap pendapatan (golongan berpendapatan tinggi lebih patuh) dan beban tanggungan (golongan yang kurang beban tanggungan kewangan lebih patuh).

Hasil kajian literatur oleh Sanep Ahmad dan Zulkifli (2010) yang dibuat berdasarkan teori Becker mengenai jenayah dan hukumannya dalam pendekatan ekonomi telah mengenal pasti beberapa faktor yang mempengaruhi gelagat individu untuk mengelak daripada membayar cukai iaitu kebarangkalian dikesan, kadar cukai dan struktur penalti. Hukuman yang tegas dan jelas boleh mengurangi tingkat pengelakan cukai selain faktor ekonomi, persekitaran, pengetahuan, sosial demografi, peluang mengelak, persepsi dan sistem cukai. Namun begitu bagi mengaplikasikan teori kepatuhan cukai terhadap kepatuhan zakat adalah tidak begitu tepat kerana zakat dan cukai sebenarnya adalah sangat berbeza kerana pematuhan dan pengelakan zakat tidak hanya mengambil kira beban fizikal sahaja seperti hukuman dan penalti tetapi lebih menyeluruh mencakupi beban fizikal dan mental. Perbezaan antara keduanya dinyatakan di dalam **Jadual 4**.

Jadual 4:**Perbezaan Zakat dan Cukai**

Zakat	Cukai
Konsep Zakat adalah penyucian jiwa dan harta (Yusuf Qardawi). Ia merupakan tanggungjawab agama iaitu sebagai ibadat	Konsep cukai adalah tekanan yang dikenakan oleh pemerintah kepada rakyat.
Tidak bayar zakat berdosa	Tidak bayar cukai dikenakan denda oleh pemerintah
Bayar zakat tertakluk kepada muslim yang layak sahaja.	Semua rakyat yang layak kena bayar cukai
Zakat dikutip oleh kerajaan Islam sahaja	Cukai boleh dikutip oleh sesiapa sahaja yang memerintah negara
Sumber zakat adalah dari sumber halal sahaja	Sumber cukai adalah semua sumber yang diperolehi.
Kadar zakat adalah tetap iaitu seperti 2.5 peratus dan yang berubah hanyalah nilai wang sahaja.	Kadar cukai boleh berubah mengikut kadar yang ditetapkan oleh kerajaan pada setiap tahun
Pengagihan zakat tertakluk kepada lapan golongan asnaf sahaja.	Pengagihan cukai adalah untuk membiayai semua aktiviti pemerintah untuk keperluan rakyat

Sumber: Kertas Seminar Persidangan Zakat dan Cukai Kebangsaan 2007 (Ruziah Ghazali, 2007)

Dalam kajian yang dilaksanakan oleh Zahri Hamat (2009) yang membuat perbandingan di antara perakaunan zakat dan perakaunan cukai (Income Tax Act 1967) di Malaysia mendapati keduanya adalah tiada kaitan.

Kajian gelagat kepatuhan zakat adalah sentiasa berkait dengan analisis faktor yang mempengaruhi pembayaran zakat dan faktor ditakrifkan sebagai unsur atau sebab yang menyumbang kepada sesuatu hasil (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007). Antara kajian yang paling awal di Malaysia yang pernah dijalankan mengenai gelagat kepatuhan zakat adalah mengenai kepatuhan zakat gaji oleh Kamil Md. Idris (2002). Kajian mendapati sikap terhadap zakat gaji boleh dirungkaikan kepada lima komponen kecil dan setiap komponen berserta angkubah telah diuji di dalam model gelagat kepatuhan melalui teknik statistik regresi logistik. Hasil kajian mendapati tujuh angkubah berkait secara positif dengan gelagat kepatuhan iaitu undang-undang zakat, kualiti perkhidmatan,

pendedahan promosi, tiga komponen sikap dan pengetahuan.

Implikasi daripada penemuan kajian adalah undang-undang zakat perlu diperkemas, kualiti perkhidmatan perlu sentiasa dipertingkatkan dan strategi promosi kempen zakat perlu dipergiat. Namun begitu kajian ini mendapati elemen nilai agama mempunyai kesan negatif terhadap gelagat pembayaran zakat dan ini menunjukkan masih ramai yang suka membayar zakat sendiri dan mereka terpengaruh dengan pandangan yang tidak mewajibkan zakat gaji.

Zulkifli dan Sanep Ahmad (2010) telah membawakan kajian yang menghasilkan Model Teori Kepatuhan dan Pengelakan Zakat. Kajian ini cuba membina satu model kepatuhan zakat terhadap institusi formal kutipan zakat. Model dibina berdasarkan model kepatuhan cukai dengan mengambil kira beberapa faktor penting yang mempengaruhi kepatuhan pembayaran zakat. Berdasarkan model konseptual, gelagat

pematuhan dan pengelakan zakat tidak hanya bergantung kepada hukuman jika adanya penguatkuasaan undang-undang, tetapi juga bergantung kepada pelbagai faktor lain iaitu komitmen kepada agama/keimanan, kefahaman/pengetahuan zakat, kemudahan mekanisme pembayaran, kepercayaan kepada institusi formal pungutan zakat, persepsi sistem cukai dan faktor persekitaran.

Mohd Rahim Khamis et al. (2011) telah mengemukakan satu teori ekonomi terhadap gelagat kepatuhan zakat perniagaan dengan mengkaji teori gelagat kepatuhan zakat dan menyarankan satu model ekonomi tentang perkara ini. Dapatan kajian ini mendapati faktor yang mempengaruhi gelagat kepatuhan zakat perniagaan adalah terdiri daripada enam variabel iaitu penguatkuasaan undang-undang, insentif kerajaan, tahap pengetahuan, tahap keimanan, tempoh perniagaan dan faktor institusi zakat.

Zainol Bidan dan Kamil Md. Idris (2008) telah membuat penyelidikan tentang peranan sikap dan norma subjektif terhadap kepatuhan zakat pendapatan. Beliau mendapati dimensi sikap pekerja muslim mempunyai pengaruh terhadap kesungguhan menunaikan ibadah zakat. Komponen sikap boleh dibahagikan kepada enam komponen manakala norma subjektif pula boleh dibahagikan kepada tiga komponen. Kesemua komponen ini mempunyai korelasi yang signifikan terhadap pembayaran zakat. Beliau mencadangkan agar institusi zakat mengambil kira semua komponen ini bagi memastikan pendekatan dan perancangan yang digunakan adalah lebih berkesan.

Kajian lain mengenai kepatuhan zakat

turut diadakan oleh Mohd Ali Mohd Nor et al. (2004) bagi mengenalpasti faktor yang mempengaruhi pembayaran zakat pendapatan dalam kalangan kakitangan profesional di Universiti Kebangsaan Malaysia. Hasil kajian mendapati beberapa faktor mempengaruhi gelagat pembayaran iaitu lokasi, demografi, keyakinan, kemudahan, iman, pengetahuan agama dan pendidikan. Keputusan dari analisis ekonometrik menunjukkan faktor iman dan pengetahuan agama amat signifikan mempengaruhi pembayaran zakat pendapatan. Semakin tinggi tahap keimanan dan pengetahuan zakat, maka seseorang Muslim akan lebih cenderung untuk membayar zakat pendapatan. Hasil kajian juga mendapati pengetahuan mengenai fungsi Pusat Pungutan Zakat (PPZ) tidak mempengaruhi keputusan untuk membayar zakat. Usaha meningkatkan pungutan zakat perlu dilakukan dengan cara yang berintegrasi dengan mengambil pendekatan menyeluruh.

Kepatuhan Cukai

Kepatuhan cukai merupakan elemen utama yang dipastikan oleh sesebuah kerajaan (Franzoni Luigi A, 2000). Terdapat dua laporan yang dibuat oleh sesebuah kerajaan bagi mengukur kepatuhan cukai iaitu United Kingdom dan Amerika Syarikat. Kerajaan United Kingdom mengeluarkan laporan Measuring Tax Gap setiap tahun sebagai analisis tahap kepatuhan cukai oleh pembayar cukai negara. Tax Gap atau Jurang Cukai ini ditakrifkan sebagai perbezaan di antara jumlah cukai yang sepatutnya dipungut secara teori berbanding cukai sebenar yang dipungut (Kerajaan United Kingdom, 2014). Pada tahun 2013 jurang cukai yang diperolehi berjumlah £35 bilion iaitu 7% daripada jumlah cukai dan pada tahun 2012 jurang

cukai adalah £34billion iaitu 7.1% daripada jumlah cukai. Amerika Syarikat melalui Internal Revenue Service (IRS) membuat penyelidikan bagi tempoh tertentu untuk mengukur jurang cukai. Laporan bagi tahun 2006 yang dikeluarkan pada tahun 2012 mendapati jumlah jurang cukai bersih (Net Tax Gap) di Amerika Syarikat adalah \$385 billion dengan kadar kepatuhan 85.5%. Kadar Kepatuhan cukai didapati lebih baik berbanding dengan dapatan kajian sebelum ini yang dibuat pada tahun 2001 iaitu dengan kadar 86.3% (IRS, 2013).

METODOLOGI

Kerangka kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif berbentuk bancian terhadap semua PLC patuh syariah di Malaysia. Ia dibuat secara kajian keratan rentas (*cross-sectional study*) bagi mengenal pasti pemilikan muslim dalam syarikat yang layak membayar zakat dengan mengambil data terbaru boleh capai daripada Laporan Tahunan syarikat. Data diperolehi melalui proses muat turun laporan tahunan syarikat daripada laman web rasmi PLC melalui capaian dalam talian. Proses muat turun laporan tahunan ini dilakukan dalam tempoh tiga bulan iaitu Januari - Mac 2013. Pendekatan secara bancian dilakukan dalam mengenal pasti syarikat yang layak membayar zakat bagi memastikan kesahihan hasil kajian. Jumlah populasi adalah berada dalam jumlah yang mampu capai bagi memastikan buat anggaran hampir tepat bagi memenuhi objektif kajian. Beberapa andaian telah dibuat berasaskan rasional tertentu bagi memastikan data yang diperolehi dapat dianalisis mengikut jangka masa kajian.

Populasi kajian

Populasi kajian adalah PLC yang sahamnya dikategorikan sebagai patuh syariah yang disenaraikan di Bursa Malaysia melalui penerbitan khas Suruhanjaya Sekuriti Malaysia iaitu Senarai Sekuriti Patuh Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang dikemas kini dua kali setahun. PLC yang terlibat adalah merangkumi syarikat di Papan Utama dan ACE Market (papan kedua). Menyedari PLC dan syarikat status PLC patuh syariah sering berubah, kajian ini menggunakan Senarai Sekuriti Patuh Syariah yang berkuat kuasa 30 November 2012. Senarai ini dianggap paling tepat bagi kajian ini kerana ia merupakan senarai terbaru semasa kajian dibuat. Senarai ini mempunyai 817 syarikat (89%) yang diluluskan sebagai syarikat patuh syariah daripada keseluruhan syarikat iaitu 923 syarikat. (Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, 2012:9).

Pengumpulan Data

Kajian ini dibuat merangkumi tiga langkah utama iaitu mengenal pasti pemilikan Muslim, mengenal pasti syarikat yang membayar zakat dan menganalisis trend pembayaran zakat dalam kalangan PLC. Pengumpulan data dibuat pada Januari - Mac 2013.

Mengenal pasti pemilikan Muslim

Bagi tujuan mengenal pasti pemilikan Muslim, laporan tahunan terbaru semasa proses muat turun laporan digunakan sebagai data kajian. Oleh itu terdapat perbezaan tahun kewangan yang diambil bagi tujuan ini iaitu dalam julat 2011-2013. Walaupun terdapat perbezaan tahun tetapi kajian ini mengutamakan maklumat yang terbaru untuk diguna pakai bagi memastikan kualiti maklumat yang diperolehi. Daripada 817 syarikat patuh syariah, sebanyak

811 laporan tahunan terkini dapat dimuat turun iaitu sebanyak 99% daripada populasi. Sebanyak 6 syarikat tidak diperolehi kerana pelbagai faktor terutama kerana laman web tidak dikemas kini, sedang diselenggara dan laporan tahunan tidak tersedia untuk dimuat turun.

Senarai pemilihan Muslim tertinggi yang diperolehi dianggap paling tepat kerana ia bersumberkan laporan rasmi sesebuah syarikat. Ia juga adalah selaras dengan amalan institusi zakat di Malaysia (Khairul azhar Samsudin, 2012; Mohd Sabirin Sarbini, 2012). Kaedah penentuan pemilihan muslim mengikut amalan institusi zakat di mana pemilihan yang diambil kira adalah pemilihan individu muslim dan pemilihan GLC dan GLIC.

Mengenal pasti pembayaran zakat

Bagi tujuan ini data sekunder digunakan. Data sekunder yang digunakan adalah laporan tahunan syarikat bagi tempoh kajian iaitu 2009-2014. Analisis mengikut jangka masa ini diperlukan bagi mengesan pembayaran zakat bagi syarikat yang membayar zakat tetapi tidak konsisten setiap tahun. Kajian ini membuat andaian bahawa zakat yang dibayar oleh syarikat adalah jumlah zakat yang sebenar yang dikenakan. Andaian lain yang dibuat adalah, pembayaran zakat dikira apabila pembayaran zakat tersebut dinyatakan di dalam laporan kewangan tahunan syarikat.

Analisis Data

Data yang diperolehi dianalisis mengikut objektif kajian boleh dibahagikan kepada tiga iaitu pemilihan Muslim, pembayaran zakat dan trend pembayaran. Semua maklumat diproses menggunakan perisian Microsoft Excel bagi membolehkan data dikeluarkan untuk dianalisis menggunakan

tiga teknik utama iaitu analisis matematik, analisis deskriptif dan analisis nisbah atau kadar. Analisis kepatuhan ini dibuat berdasarkan kepada bilangan syarikat membayar zakat tanpa mengambil kira amaun zakat yang sepatutnya dibayar. Manakala kepatuhan zakat pula diukur menggunakan kaedah peratusan. Kaedah peratusan ini digunakan oleh laporan Measuring Tax Gaps (Kerajaan United Kingdom, 2013).

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan kepada analisis yang dilakukan bagi mencapai objektif kajian, terdapat empat dapatan utama kajian sebagaimana berikut:-

- **Kedudukan Pemilihan Muslim dalam PLC**

Analisis pemilihan Muslim dibuat berdasarkan kepada Laporan Pemegang Saham Tertinggi oleh syarikat di dalam Laporan Tahunan masing-masing. Daripada 811 buah laporan tahunan syarikat diperolehi, analisis pemilihan dibuat terhadap semua laporan. Didapati sebanyak 69 syarikat (8.51%) mempunyai pemilihan muslim melebihi 50% manakala 49 syarikat (6.04%) mempunyai pemilihan 30-50% muslim. 515 syarikat (63.50%) hanya mempunyai 1-29% pemilihan muslim manakala baki 179 syarikat (21.95%) tidak mempunyai sebarang pemilihan muslim sebagaimana dinyatakan di dalam **Jadual 5**. Didapati tiada syarikat patuh syariah dalam sektor hotel dan dana tertutup.

Kajian ini memberi fokus kepada syarikat yang mempunyai pemilihan Muslim melebihi 30% iaitu sebanyak 118 syarikat yang mewakili 14.55%

daripada populasi. Rasional 30% ini diambil daripada pengalaman institusi zakat (Khairulazhar Samsudin, 2012; Mohd Sabirin Sarbini (2012) bahawa

kadar ini adalah munasabah untuk dijadikan asas gerak kerja pemasaran zakat perniagaan oleh institusi zakat. Rajah pemilikan Muslim adalah sebagaimana di dalam Rajah 1.


Jadual 5:

Kedudukan Pemilikan Muslim Dalam PLC (Bilangan)

Sektor	Sekuriti Patuh Syariah	Syarikat Diperolehi Status Pemilikan	Kategori Peratus Pemilikan Muslim			
			≥50%	30-50%	1-29%	0%
Barangan Pengguna	125	124	4	5	84	31
Barangan Industri	271	252	10	10	174	58
Perlombongan	1	1	0	0	0	1
Pembinaan	43	43	9	1	29	4
Dagangan/Perkhidmatan	200	175	28	20	96	31
Hartanah	74	73	5	3	52	13
Perladangan	39	39	4	2	21	12
Teknologi	161	95	5	6	56	28
Infrastruktur	7	7	2	2	3	0
Kewangan	2	2	2	0	0	0
Hotel	0	0	0	0	0	0
Dana Tertutup	0	0	0	0	0	0
Jumlah	817	811	69	49	515	178
Peratus (%)			8.51	6.04	63.50	21.95
Syarikat Milik Muslim	118 syarikat (14.55%)					

Rajah 1:

Kedudukan Pemilikan Muslim Dalam PLC



Sumber: Analisis Kajian

- Analisis Pembayaran Zakat Syarikat**

Bagi mengenal pasti syarikat yang membayar zakat, kajian ini membuat carian melalui laporan kewangan syarikat yang mempunyai pemilikan Muslim bagi tempoh enam tahun iaitu 2009-2014. Daripada proses ini sebanyak 17 buah syarikat mempunyai rekod pembayaran zakat di dalam laporan masing-masing. 4 buah syarikat (23.5%) berada di dalam kategori pemilikan Muslim 30-50% dan bakinya 13 buah syarikat (76.5%) mempunyai pemilikan Muslim melebihi 50%. Bilangan syarikat yang membayar meningkat daripada 6 syarikat pada tahun 2009 kepada 16 syarikat pada tahun 2014 dengan peningkatan 166.6%. Jumlah bayaran zakat juga meningkat daripada RM26.0 juta kepada

RM91.4 juta pada tahun 2014 iaitu peningkatan 251%. Tren Pembayaran Zakat PLC adalah sebagaimana di dalam **Rajah 2**.

Daripada 17 syarikat yang membayar zakat, 15 syarikat konsisten membayar zakat setiap tahun. Lima syarikat membuat pembayaran zakat paling tinggi pada tahun 2014 Tenaga Nasional Bhd iaitu RM27.9 juta, UMW Holdings iaitu RM14.8 juta, BIMB Holdings Bhd iaitu RM13.2 juta, Felda Global Ventures Bhd iaitu RM13.2 juta, dan MMC Corporation Bhd RM6.1 juta. Trend pembayaran zakat adalah tidak menentu (*fluctuates*) berdasarkan pengiraan zakat tahun pembayaran zakat dibuat.

Rajah 2:

Tren Pembayaran Zakat PLC 2009-2014



- **Analisis Kepatuhan Pembayaran Zakat Mengikut Pemilikan Muslim dan Sektor**

Sektor Kewangan yang diwakili oleh Bank Islam Malaysia Berhad dan Syarikat Takaful Malaysia Berhad merupakan sektor patuh zakat 100%. Pembayaran zakat oleh kedua syarikat ini adalah konsisten setiap tahun bagi tempoh kajian. Sektor Perladangan yang diwakili pembayaran zakatnya oleh Felda Global Ventures Berhad dan TH Plantations Berhad menjadikan kadar kepatuhan sektor ini adalah 33%. Ini diikuti oleh Sektor Dagangan dan Perkhidmatan iaitu 19%. Sektor ini merupakan sektor terbesar dengan 48 syarikat dan bilangan syarikat yang membayar

adalah sebanyak 9 syarikat. Perincian dapatan kajian adalah sebagaimana dinyatakan di dalam **Jadual 7**.

- **Analisis Kepatuhan Zakat PLC Keseluruhan**

Berdasarkan kepada **Jadual 6**, jumlah PLC yang membayar zakat adalah sebanyak 17 syarikat berbanding 118 PLC yang dikategorikan mempunyai pemilikan muslim melebihi 30%. Oleh itu kadar kepatuhan pembayaran zakat dalam kalangan PLC di Malaysia yang diperolehi hasil kajian ini pada 14%. PLC yang mempunyai pemilikan Muslim melebihi 50% mempunyai kadar kepatuhan yang lebih tinggi iaitu 19% berbanding pemilikan 30%–50% iaitu 8%.

Jadual 6:

Kadar Kepatuhan Membayar Zakat PLC di Malaysia Mengikut Sektor (Bilangan)

Sektor	Pemilikan Muslim ≥50%			Pemilikan Muslim 30%-50%			Jumlah Syarikat		
	Bil.	Bayar	%	Bil.	Bayar	%	Bil.	Bayar	%
Barangan Pengguna	4	1	25	5	0	0	9	1	11
Barangan Industri	10	0	0	10	1	10	20	1	5
Perlombongan	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Pembinaan	9	1	11	1	0	0	10	1	10
Dagangan/Perkhidmatan	28	6	21	20	3	15	48	9	19
Hartanah	5	0	0	3	0	0	8	0	0
Perladangan	4	2	67	2	0	0	6	2	33
Teknologi	5	1	20	6	0	0	11	1	9
Infrastruktur	2	0	0	2	0	0	4	0	0
Kewangan	2	2	100	0	0	0	2	2	100
Hotel	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Dana Tertutup	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah	69	13	19	49	4	8	118	17	14

Sumber: Analisis Kajian

KESIMPULAN

Kajian ini telah berjaya memberikan penemuan baru dalam konteks sumbangan ilmu dalam bidang zakat. Kajian ini berjaya mengenal pasti pemilikan Muslim dalam syarikat PLC di Malaysia. Melalui kaedah bancian, kajian ini memberikan anggaran hampir tepat terhadap pemilikan Muslim di dalam kalangan PLC iaitu 14.55%. Seterusnya, kajian ini dapat memberikan dapatan tentang pembayaran zakat yang dilaporkan di dalam laporan kewangan syarikat bagi tempoh 6 tahun iaitu 2009-2014. Sebanyak 17 buah PLC telah membayar zakat dan 16 syarikat didapati konsisten membayar zakat dan jumlah bayaran zakat adalah sangat berbeza setiap tahun. Berdasarkan kepada bilangan syarikat yang membayar bagi tempoh kajian kadar kepatuhan membayar zakat dalam kalangan

PLC diperoleh pada kadar 14%. Kadar kepatuhan ini menunjukkan bahawa kadar ketidakpatuhan zakat adalah sebaliknya iaitu 86%. Kadar ini juga menunjukkan ruang dan potensi peningkatan kutipan zakat adalah masih luas dan semua pihak sama ada institusi zakat dan pihak yang berkaitan tidak boleh berada di dalam zon selesa dengan peningkatan kutipan zakat saban tahun. Kadar kepatuhan ini juga menunjukkan berlakunya ketirisan yang banyak di dalam operasi kutipan zakat negara dan semua pihak perlu berganding bahu bersama bagi memastikan trend ini dapat dibaiki dengan kadar segera. Ketirisan ini juga merupakan kehilangan dalam dana kutipan zakat yang amat diperlukan oleh ummah. Walaupun kajian ini dibuat dalam kalangan PLC tetapi dapatan ini boleh diluaskan sebagai satu petanda (*clue*) untuk sektor-sektor perniagaan yang lain.

RUJUKAN

- Abdul Hamid Mohamad dan Adnan Trakic. (2013). Critical appraisal of the companies' obligations to pay zakat in the Malaysian context. *International Company and Commercial Law Review*, 10, 375-381.
- Abu Da'ud Sulayman ibn al-Ash`ath al-Sijistan dan Abd al-Hamid Muhammad Muhyi al-Din. (t.t). Sunan Abu Daud. Beirut: Darul Fikr.
- Ahmad Radzuan bin Ghazali. (2009). Kesan tahap keagamaan dan akauntabiliti peribadi terhadap niat membayar zakat perniagaan di kalangan kontraktor perniagaan tunggal Pulau Pinang. Disertasi Sarjana Sastera, Universiti Sains Malaysia.
- Azman Mohd Noor dan Muhamad Nasir Haron. (2013). Imposing zakāt on legal entities and its applications in Islamic financial institutions. *Arab Law Quarterly*, 27, 71-86.
- Aznan Hasan. (2011). Zakat on shakhsiiyyah i'tibarīyah (Legal Entity). Kertas dibentang di Bengkel Zakat Institusi Kewangan Islam, Lanai Kijang, Bank Negara Malaysia, 3 Mei 2011.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2007). Kamus Dewan Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Franzoni Luigi A. (2000). "Tax evasion and tax compliance" di dalam Jilid 3 Encyclopedia of Law and Economics, Diedit oleh Bouckaert, Boudewijn dan De Geest, Gerrit. Cheltenham UK: Edward Elgar Publishing.
- Internal Revenue Service (IRS) Amerika Syarikat. (2013). Dicapai dari: <http://www.irs.gov/uac/IRS-Releases-2006-Tax-Gap-Estimates>.
- Internal Revenue Service (IRS) Amerika Syarikat. (2013). IRS Releases New Tax Gap Estimates. Retrieved from: <http://www.irs.gov/uac/IRS-Releases-New-Tax-Gap-Estimates;-Compliance-Rates-Remain-Statistically-Unchanged-From-Previous-Study>.
- Kamil Md. Idris. (2002). Gelagat kepatuhan zakat pendapatan di kalangan kakitangan awam persekutuan di negeri Kedah, Tesis kedoktoran, Universiti Utara Malaysia.
- Kamil Md. Idris. (2009). Gelagat kepatuhan zakat pendapatan penggajian. Kedah: Penerbitan Universiti Utara Malaysia.
- Kerajaan United Kingdom. (2013). Measuring tax gap 2013. Dicapai dari: <https://www.gov.uk/government/publications/measuring-tax-gaps>.
- Kerajaan United Kingdom. (2014). Measuring tax gaps 2014 Edition - Tax gap estimates for 2012-13. Retrieved from: https://www.gov.uk/government/uploads/system/uploads/attachment_data/file/364009/4382_Measuring_Tax_Gaps_2014_IW_v4B_accessible_20141014.pdf
- Khazanah Nasional (2012). FAQ. Dicapai dari: <http://www.khazanah.com/faq.htm>.
- Lembaga Zakat Selangor. (2012). Zakat saham. Dicapai dari: <http://www.zakatselangor.com.my/jenis-jenis-zakat/zakat-harta/zakat-saham/>.
- Lembaga Zakat Selangor. (2008). Panduan zakat perniagaan. Shah Alam: Lembaga Zakat Selangor.
- Malik M. Hafeez. (2013). An analysis of corporate entity and limited liability in islamic and western perspectives of corporate governance. *International Journal of Business, Economics and Law*, 2(3), 104-107.
- Mohd Ali Mohd Nor, Hairunnizam Wahid dan Nor Ghani Md Nor. (2004). Kesedaran membayar zakat pendapatan dalam kalangan kakitangan profesional Universiti Kebangsaan Malaysia. *Islamiyyat*, 26 (2), 59-67.

- Mohd Rahim Khamis, Ariffin Md Salleh dan Abd Samad Nawawi.** (2011). *Compliance behavior of business zakat payment in Malaysia: A theoretical economic exposition*. Kertas dibentang di 8th International Conference on Islamic Economics and Finance, Doha Qatar, 19 – 21 Disember 2011.
- Mohd Rais Alias.** (2013). *Business zakat: Compliance and practices in Federal Territory*. Kertas dibentang di National Business Zakat Symposium 2013, Kuala Lumpur. 8 Oktober 2013.
- Muhammad Taqi Usmani.** (1998). *An Introduction to Islamic finance*. Karachi: Idaratul Ma'arif.
- Nor Adilah Ahmad Shokori.** (2011). Kepatuhan terhadap zakat perniagaan: kajian di kalangan pengusaha stesen minyak di Pulau Pinang. Disertasi Sarjana, Universiti Utara Malaysia.
- Pusat Pungutan Zakat – MAIWP** (2003, 2004, 2005, 2006, 2007, 2008, 2009, 2010, 2011 dan 2012). Laporan Zakat.
- Ram Al-Jaffri Saad.** (2010). *Gelagat kepatuhan zakat perniagaan di negeri Kedah Darul Aman*. Tesis Kedoktoran Universiti Utara Malaysia.
- Ruziah Ghazali.** (2007). Implikasi zakat terhadap sistem percukaian negara. Kertas dibentang di Persidangan Zakat Cukai Kebangsaan. 22 Mei 2007.
- Said Bouheraoua, Mohyi al-Din Abu-Houl, Marjan Muhamad, Hakima Yaakob dan Mohamed Fairouz Abdul Khir.** (2011). Legal entity and zakat obligations. Kertas dibentang di Workshop on Zakat for Islamic Financial Institutions, Kuala Lumpur. 2 May 2011.
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.** (2012). Senarai Sekuriti Patuh Syariah 2012.
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.** (2014). Statistik pasaran modal islamik. Dicapai dari: <http://www.sc.com.my/data-statistics/islamic-capital-market-statistics/>.
- Sanep Ahmad, Nor Ghani Md. Nor dan Zulkifli Daud.** (2011). Tax based modeling of zakat compliance. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 45, 101-108.
- Sanep Ahmad dan Zulkifli.** (2010). Model gelagat pematuhan dan pengelakan zakat: satu tinjauan teori. Prosiding Seminar Seventh International Conference – The Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy, Bangi 2010. 501-516.
- Yusuf Qaradhawi.** (1995). *Dawru al-qiyam wa al-akhlaq fi al-iqtisad al-Islamiy*. (Al-Qahirah: Maktabat Wahabat).
- Zahri Hamat.** (2009). Business zakat accounting and taxation in Malaysia. Dibentang di Conference on Islamic on management and Finance, School of management University of Leicester, United Kingdom, 2-3 Julai 2009.
- Zainol Bidin dan Kamil Md. Idris.** (2008). The role of attitude and subjective norm on intention to comply zakat on employment income. *IKaZ International Journal of Zakat*, 1(1).
- Zainol Bidin, Mohd Zainudin Othman dan Farah Mastura Noor Azman.** (2013). Zakat compliance intention behavior on saving among Universiti Utara Malaysia's staff. Prosiding International Conference on Social Science Research, ICSSR 2013. Penang, Malaysia 4-5 Jun 2013.

TEMUBUAL

Temubual bersama **Khairulazhar Samsudin**, Timbalan Pengurus Besar Operasi, Pusat Pungutan Zakat – MAIWP bertarikh 4 Februari 2012.

Temubual bersama **Mohd Sabirin Sarbini**, Pengurus di Pejabat Kutipan, Lembaga Zakat Selangor bertarikh 5 Jun 2012.